

INTAN tambah baik kaedah latihan sejajar normal baharu

Saiful
Ezane
Mazlan



Perunding Latihan Kanan Kluster
Kepimpinan dan Pembangunan
Eksekutif, Institut Tadbiran Awam
Negara (INTAN)

Penularan COVID-19 mengubah norma kehidupan di seluruh dunia. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyatakan selagi vaksin tidak dihasilkan, peperangan melawan wabak ini akan kurang berhasil.

Pertubuhan itu turut menjangkakan vaksin hanya akan berjaya dihasilkan dalam tempoh antara satu hingga dua tahun paling cepat. Bagaimanapun, keupayaan menghasilkan jumlah vaksin mencukupi bagi keseluruhan penduduk dunia akan mengambil tempoh lama.

Di negara ini, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan kerajaan untuk mengekang penularan wabak ini. Ekoran COVID-19 dan PKP, muncul terma

'normal dan kelaziman baharu'. Ia didefinisikan amalan baharu yang akan mencorakkan kehidupan seharian rakyat, termasuk kaedah pembelajaran dan pengajaran serta pelaksanaan latihan, khususnya dalam perkhidmatan awam.

Umum mengetahui selaras kelaziman baharu ini, penjarakan sosial sekurang-kurangnya satu meter antara satu sama lain perlu dilaksanakan. Peraturan ini turut memberi kesan terhadap cara latihan dilaksanakan terhadap penjawat awam.

Arahan pelaksanaan PKP datang secara mengejut. Mahu tidak mahu, tindakan drastik perlu diambil terhadap cara pelaksanaan kursus dan latihan. Kaedah tradisional pembelajaran dan pengajaran secara bersemuka sedikit sebanyak sukar untuk dilaksanakan dengan mengambil kira pelaksanaan penjarakan sosial.

Migrasi pembelajaran dalam talian menjadi pilihan utama. Ia memberikan fleksibiliti dan peluang kepada lebih ramai peserta untuk menghadiri kursus dijalankan.

Lebih-lebih lagi dengan kema-

juan teknologi dan kecekapan teknologi masyarakat sedikit sebanyak tidak menjadikan kaedah ini sebagai canggung. Aplikasi seperti Google Meet, Zoom dan Skype tersedia percuma untuk digunakan. Cuma, isu capaian internet serta kelajuan berdasarkan kawasan liputan dan pakej sedikit sebanyak membantutkan kaedah berkenaan.

Selain itu, pembekalan peranti bersesuaian juga perlu bagi memastikan kaedah pembelajaran dalam talian dapat berlangsung. Akses komputer yang mempunyai kamera dan mikrofon menjadi kemestian. Kemudahan ini sudah disediakan dalam makmal komputer dan komputer di stesen kerja kebanyakan pejabat kerajaan.

Namun, usaha menaik taraf peranti perlu dengan penyediaan peruntukan secukupnya. Bagaimanapun, dengan penggunaan telefon pintar yang meluas, ia memudahkan pelaksanaan pembelajaran dalam talian ini.

Penjawat awam di negara ini pasti sudah mengenali dengan sistem E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA). Ia boleh diakses melalui capaian www.epsa.gov.my. Kemu-

dahan itu mula diperkenalkan sejak 2007 oleh Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Portal EPSA hingga kini mempunyai 291 kursus pelbagai bidang. Namun, tidak sampai 700,000 penjawat awam berdaftar sebagai pengguna berbanding jumlah keseluruhan 1.6 juta kakitangan. Oleh itu, sistem ini wajar dioptimumkan penggunaannya oleh keseluruhan perkhidmatan awam.

Kursus di EPSA disediakan secara percuma untuk penjawat awam. Malah, pembangunan kursus baharu untuk platform EPSA melalui kerjasama dengan kementerian amat dialu-alukan.

INTAN turut mengambil langkah melaksanakan modul akademik bagi peserta Program Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam (DPA) 2020 secara dalam talian sepanjang tempoh PKP ini. Kaedah pembelajaran sebegini kali pertama dilaksanakan bagi DPA. Ternyata, penjawat awam negara boleh mengadaptasi dengan bentuk latihan norma baharu ini.

Dalam mendepani cabaran terkini dihadapi dalam bidang la-

tihan penjawat awam, perancangan pembangunan modal insan teratur amat penting. Aset paling berharga kepada negara bukan dalam bentuk fiskal, sebaliknya tenaga kerjanya.

Sejajar normal baharu, INTAN akan terus mempersiapkan bentuk latihan bersesuaian dan kompeten dengan keperluan negara pada masa hadapan khusus bagi penjawat awam. Kursus ditawarkan akan dikaji, ditambah baik dan sekiranya perlu, diubah bagi mendepani keperluan latihan normal baharu ini.

INTAN turut menerokai kaedah pengajaran dan pembelajaran terkini serta sesuai kehendak situasi semasa. Bukan sahaja pemodenan dan penaiktarafan kemudahan kursus akan diutamakan, bahkan pembangunan ilmu dan kemahiran tenaga pengajarnya.

Semuanya bagi menyediakan *human capital of tomorrow, today*. Diharapkan seluruh perkhidmatan awam bersama-sama menyokong usaha INTAN bagi mendepani keperluan latihan normal baharu ini, sekali gus memberi manfaat dan impak berganda kepada perkhidmatan awam secara keseluruhan.